

591:
RAPAT

1973

KUALA TRENGGANU, 10 OGOS (BERNAMA) -- AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH MEMPERGIATKAN LAGI JENTERA PARTI WALAUPUN UJUDNYA KERAJAAN CAMPURAN DI ANTARA PERIKATAN DAN PAS DI NEGERI INI.

DISAMPING ITU TIAP-TIAP ANGGOTA PARTI HENDAKLAH JUGA BERWASPADA TERHADAP GOLONGAN-GOLONGAN ANTI-NATIONAL YANG CUBA MEMECAH BELAHKAN PERPADUAN RAKYAT DI NEGARA INI.

DEMIKIAN DINYATAKAN OLEH SENATOR DR. MAHATHIR MOHAMED DIRAPAT UMUM UMNO YANG DIADAKAN DI PADANG MAZIAH DISINI MALAM TADI YANG TELAH DIHADHIRI OLEH LEBIH DARI 2,000 ORANG.

MENURUT BELIAU MEREKA INI MENJALANKAN TINDAKAN DAN KEGIATAN YANG JAHAT BERTUJUAN MENGELIRUKAN RAKYAT.

KATANYA, MEREKA INI MENGGUNAKAN KENAIKAN HARGA BARANG UNTUK MENJALANKAN DAAYAH-DAAYAH JAHAT MEREKA ITU.

TUJUAN MEREKA IALAH UNTUK MEMPERGUNAKAN SOAL HARGA BARANG IALAH UNTUK TUJUAN SESUATU BADAN POLITIK.

N MEREKA HANYA MEMBURUK-BURUKAN KERAJAAN TETAPI TIDAK PERNAH MENGEMUKAKAN SATU-SATU RANCANGAN UNTUK MENGATASI KENAIKAN HARGA BARANG ITU.

DR. MAHATHIR MENYERU AHLI-AHLI UMNO DAN JUGA RAKYAT SEKALIAN AMNYA UNTUK MEMBERI KEPERCAYAAN PENUH KEPADA KERAJAAN.

SEMENTARA ITU, Pengerusi LPN, TAN SRI SYED NASIR ISMAIL, YANG JUGA TURUT BERUCAP DI RAPAT UMUM ITU BERKATA LANGKAH-LANGKAH SEDANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MENURUNKAN HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN DENGAN SEBERAPA YANG BOLEH.

BELIAU BERKATA KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG SEKARANG BUKAN SAHAJA DIRASAI DI NEGARA INI TETAPI JUGA DI SELURUH DUNIA. -- BERSAMBUNG 1925/ZCM

592:
RAPAT 2 KUALA TRENGGANU

MENURUT BELIAU KALAU DIBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN HARGA BARANG KEPERLUAN DI NEGARA INI ADALAH JAUH LEBIH MURAH DARI NEGARA-NEGARA ASING.

+KERAJAAN SEDANG MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENGAWAL HARGA-HARGA ITU DAN JUGA MENURUN HARGA-HARGA YANG DIFIKIRKAN KETERLALUAN,+ KATA TAN SRI SYED NASIR.

MENYENTUH TENTANG SISTEM BARU LPN, TAN SRI SYED NASIR BERKATA SISTEM INI AKAN DAPAT MENGEDARKAN BEKALAN BERAS KAPADA PEMBORONG-PEMBORONG BUMIPUTRA MELALUI BADAN-BADAN BERKANUN SAPERTI PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI DAN LAIN AJENSI KERAJAAN.

TURUT BERUCAP DIRAPAT UMUM ITU IALAH SETIAUSAHA PARLIMEN DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK WAN KADIR BIN WAN ISMAIL YANG JUGA MENJDAI TIMBALAN KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI TRENGGANU.

DALAM UCAPANYA BELIAU MENYERU AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MEMBERI KERJASAMA YANG PENUH KAPADA KERAJAAN DIDALAM PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

DATUK WAN KADIR JUGA MENYERU RAKYAT SUPAYA BERWASPADA TERHADAP GULUNGAN-GULUNGAN SABERSIF YANG HENDAK MENIMBULKAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI DIKALANGAN RAKYAT DENGAN DAAYAH-DAAYAH PALSU MEREKA.

-- BERNAMA 1933/ZCM

146 AS